



PERTUNANGAN DAN PERKAHWINAN PERUNTUKAN
BAWAH AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA
ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

O
L
E
H

DAIM BIN JAJULI

O
O
O

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA BAGI
MEMENUHI SYARAT-SYARAT MENDAPAT DIPLOMA
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
SESSI 1991/1992

Prakata

لَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَافِيَةُ لِلْمُتَقْبَلِينَ وَالْفَارِدَةُ
 وَالسَّلَامُ عَلَى مَسِيدِ الرَّحْمَنِ وَالْمُرْسَلِينَ
 سَيِّدُنَا وَوَلِيُّهُ وَصَاحِبُهُ أَجْمَعِينَ

Sebagai permulaan penulis mengucapkan kesyukuran kehadirat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya penulis dapat menyiapkan kertas projek ini yang telah ditentukan bagi pihak Universiti Islam Antarabangsa sebagai memenuhi syarat mengikuti pengajian kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Ustaz Haji Mohamed Bin Haji Abu Bakar selaku Penyelia di dalam penulisan ini. Tidak terbalas budi dan tenaganya yang dicurahkan membimbing kepada penulis baik dari segi tunjuk ajar, buah fikiran, masa dan sebagainya. terserahlah kepada Allah S.W.T. untuk membalasnya.

Penulis ingin juga mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah khususnya di Kulliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang banyak mencerahkan ilmu pengetahuan kepada penulis selama berada di Universiti ini.

Sesungguhnya yang baik datangnya dari Allah Subhanahuwataala dan yang lemah di dalam penulisan ini datangnya dari penulis sendiri. Semogaalah usaha yang dilakukan ini mendapat kebajikan dan keberkatan dari Allah Subhanahuwataala.

WASSALAM.

Pendahuluan

Tujuan penulis memilih tajuk 'Pertunangan dan Perkahwinan' Peruntukan bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, ini memandangkan kedudukan pada peruntukan-peruntukan Akta tersebut yang berhubungan dengan pertunangan dan perkahwinan kadangkala menjadi isu besar dalam masyarakat hari ini yang perlu rasanya diperjelas dalam penyelesaian permasalahan mereka dan dapat diatasi mengikut undang-undang.

Di dalam usaha untuk menyiapkan kertas projek ini pada keseluruhannya penulis membahagikan kajian ini kepada empat (4) bab.

Dalam bab pertama mengandungi tiga fasal, fasal pertama menyentuh sejarah latarbelakang Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, dan susunan seksyennya, fasal kedua berkenaan dengan pertunangan, di mana akan disentuh soal-soal yang berkaitan dengan pengertian pertunangan, pemilihan meminang, tujuannya, dan juga cara-cara adat meminang menurut pandangan Islam. Sementara dalam fasal ketiga berkaitan dengan perkahwinan, di mana dalam fasal ini penulisan dibuat mengenai pengertian perkahwinan, pensyariatan perkahwinan, asas-asas perkahwinan, hikmah perkahwinan dan hukumnya.

Mengenai bab kedua penulis membincangkan peruntukan-peruntukan Akta berkaitan dengan pertunangan dan perkahwinan di mana penulisannya menyentuh tafsiran, pemakaian, bidangkuasa, penentuan umur

perkahwinan, persetujuan berkahwin termasuk keengganan berkahwin setelah bertunang yang akan sama dijelaskan di segi kedudukan maksud yang dikehendaki menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Sementara di dalam bab ketiga penulis menerangkan peruntukan Akta untuk mendapatkan kelulusan perkahwinan khususnya dalam soal-soal permohonan kebenaran berkahwin, permastautinan, tempat berkahwin, penulis menyentuh juga bagaimana seseorang itu untuk berpoligami, syarat-syarat poligami dan cara-cara memohonnya.

Manakala di dalam bab keempat penulis membincangkan berhubung dengan upacara akad nikah, pendaftaran perkahwinan, di mana dalam bab ini dikaitkan soal cara-cara memohon pendaftaran berkahwin, kesalahan-kesalahan mengenai dengan perkahwinan dari berbagai segi dan juga menyentuh penalti.

Di akhir penulisan ini, penulis ingin mengemukakan sedikit permasalahan serta pandangannya berhubung dengan langkah-langkah pengubahsuaian yang terdapat kekurangan dalam peruntukan-peruntukan akta tersebut melalui pindaan akta dan sebagainya, selain itu juga penulis lebih mementingkan keselesaan masyarakat dengan adanya perlaksanaan Akta ini khususnya pandangan penulis di segi aturcara-aturcara Pentadbiran Akta Undang-Undang Keluarga Islam yang mana memberi kesan positif terhadap masyarakat serta tanggapan orangramai.

Semoga dengan penulisan kertas projek yang serba kekurangan ini dapat memberi faedah dan menafaat kepada para pembaca khususnya masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan di mana terlibat secara langsung pengurusannya dalam peruntukan-peruntukan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

ISI KANDUNGAN

Prakata	iii
Pendahuluan	iv
Isi Kandungan	vii

BAB PERTAMA

SEJARAH LATARBELAKANG AKTA SERTA PANDANGAN ISLAM MENGENAI PERTUNANGAN DAN PERKAHWINAN

FASAL 1

Sejarah Akta

1.1 Sejarah Latarbelakang Akta	1
1.2 Susunan Seksyen	2

FASAL 2

Pertunangan

1.2 Pengertian Peminangan	6
1.2.1 Pemilihan Meminang	6
1.2.2 Tujuan Pertunangan	8
1.2.3 Langkah-Langkah Sebelum Meminang	8
1.2.4 Adat Kelaziman Meminang	11

FASAL 3

Perkahwinan

1.3 Pengertian Perkahwinan	13
1.3.1 Pensyariatan Perkahwinan	13
1.3.2 Hikmah Perkahwinan	20
1.3.3 Asas-Asas Perkahwinan dan Hukumnya	21

BAB KEDUA**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AKTA MENGENAI
PERTUNANGAN DAN PERKAHWINAN**

2.1 Keengganan Berkahwin Setelah Pertunang				
Dan Kesan-Kesannya	24	
2.1.1 Tujuan Diperuntukan Seksyen 15	25	
2.1.2 Kesananya	25	
2.2 Tafsiran Dan Pemakaian Akta				
2.2.1 Pemakaian Akta	33	
2.3 Bidangkuasa				
2.3.1 Bidangkuasa Ketua Pendaftar	34	
2.3.2 Bidangkuasa Pendaftar	35	
2.3.3 Bidangkuasa Hakim Syarie	37	
2.4 Persetujuan Kepada Perkahwinan				
2.4.1 Syarat-syarat Persetujuan Berkahwin	42	
2.5 Penentuan Umur				
2.5.1 Tujuan Penentuan Umur	46	

BAB KETIGA

PERUNTUKAN AKTA UNDANG MENDAPATKAN KEBENARAN BERKAHWIN

3.1	Permohonan Kebenaran Berkahwin	49
	3.1.1 Pemohon Lelaki Bujang dan Duda	49
	3.1.2 Pemohon Perempuan Dara Dan Janda	52
3.2	Tempat Perkahwinan	55
	3.2.1 Tujuan Peruntukan Tempat Berkahwin	56
	3.2.2 Memilih Tempat Perkahwinan	57
	3.2.3 Kuasa-Kuasa Yang Meluluskan Tempat Berkahwin	57
3.3	Poligami dan Permohonannya	61
	3.3.1 Tujuan Diperuntukan Poligami	62
	3.3.2 Cara-Cara Memohon Poligami	62
	3.3.3 Lima Syarat Berpoligami	63

BAB KEEMPAT

UPACARA PERKAHWINAN SERTA PENDAFTARANNYA DAN PENALTI

4.1	Upacara Perkahwinan	66
	4.1.1 Sebelum Akad Nikah	66
	4.1.2 Upacara Berlangsung Akad Nikah	68
4.2	Pendaftaran Perkahwinan	70
	4.2.1 Tujuannya	70
	4.2.2 Cara-Cara Mendaftarkan Perkahwinan	71
	4.2.3 Pengiktirafan Perkahwinan	73
	4.2.4 Pendaftaran Perkahwinan Luar Negeri	75
	4.2.5 Kesan Pendaftaran Dan Membetulkan Kesilapan	78
4.3	Kesalahan-Kesalahan Berhubung Dengan Perkahwinan Dan Penalti	81
	4.3.1 Tidak Hadir Di hadapan -Seksyen 35	81
	4.3.2 Pendaftaran Tidak Diakui Oleh Undang-Undang - Seksyen 32	82
	4.3.3 Membuat Kenyataan Palsu - Seksyen 38	83
	4.3.4 Gangguan Terhadap Perkahwinan - Seksyen 37	84
	4.3.5 Perkahwinan Tidak Menurut Akta - Seksyen 40	85
	4.3.6 Poligarni Tanpa Kebenaran Mahkamah - Seksyen 132	86
4.4	Permasalahan dan Pandangan	88
	PENUTUP	98

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

BAB PERTAMA
SEJARAH LATARBELAKANG AKTA SERTA
PANDANGAN ISLAM MENGENAI PERTUNANGAN
DAN PERKAHWINAN

FASAL 1 SEJARAH

FASAL 2 PERTUNANGAN

FASAL 3 PERKAHWINAN

1.1 Sejarah Latarbelakang Akta

Undang-Undang Islam ialah undang-undang yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. melalui Rasulullah S.A.W. untuk umat manusia menjalani kehidupan di dunia ini.

Setelah wujud pemisahan antara negeri Selangor dengan Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan) pada tahun 1974 maka dalam tahun yang sama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan, di mana Majlis Agama Islam yang ditubuhkan pada tahun tersebut adalah agak aneh kerana tidak ada suatu undang-undang pun yang digubal untuk membolehkan ianya berjalan dengan teratur dan berkesan.

Oleh yang demikian, perjalanan Majlis tersebut adalah berdasarkan kepada sedikit peraturan yang diwarisi daripada negeri Selangor, iaitu Enakman Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) dengan dibuat sedikit pindaan dan pengubahsuaian bagi membolehkan ianya dipakai dan diimplementasikan di Wilayah Persekutuan. selepas itu Enakman tersebut dikenali dengan Enakman Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) sebagaimana yang diubahsuai oleh perintah (Wilayah Persekutuan) 1974.

Enakman tersebut setelah dikuatkuasakan didapati peruntukan-peruntukannya kurang lengkap dan malahan ianya tidak dapat pula menyelesaikan permasalahan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan secara menyeluruh.

Setelah timbul kesedaran di kalangan masyarakat Islam bahawa undang-undang yang sedia ada agak pincang maka pihak-pihak yang bertanggungjawab dan cendikiawan-cendikiawan serta pakar-pakar yang mengetahui undang-undang pentadbiran Islam telah merangka dan menggubal Akta 303, Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, dan undang-undang ini telah dikuatkuasakan pada 29 April 1987 yang lalu.

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 adalah suatu Akta yang memperuntukan perkara-perkara yang berkaitan dengan perjalanan pentadbiran kekeluargaan orang-orang Islam seperti mengenai pertunangan, perkahwinan, perceraian, hak-hak selepas perceraian, rujuk kepada nikah, penalti dan sebagainya. Akta ini juga ada mempunyai 67 muka surat, 135 seksyen dan terdapat 10 bahagian di dalamnya.

1.2 Susunan Seksyen

Susunan ringkas berhubung dengan bahagian dan peruntukan-peruntukan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ialah:

a. Bahagian I "Permulaan"

Bahagian ini terdapat enam seksyen di mana menyentuh mengenai tafsiran, pemakaian, mula Akta berkuatkuasa, kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu orang Islam dan sebagainya.

b. Bahagian II "Perkahwinan"

Bahagian tersebut membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat perkahwinan yang dikehendaki oleh akta seperti penentuan umur berkahwin, pertalian yang dilarang berkahwin, persetujuan perkahwinan, permohonan kebenaran berkahwin, pertunangan dan sebagainya.

c. Bahagian III "Pendaftaran Perkahwinan"

Bahagian ini menerangkan pendaftaran perkahwinan di dalam dan di luar negeri, perlantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan dan Penolong-penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, termasuk juga menyentuh pendaftaran yang tidak diakui di sisi undang-undang, kesan pendaftaran dan lain-lain lagi.

d. Bahagian IV "Penalty dan Pelbagai Peruntukan Berhubung Dengan Akad Nikah Dan Pendaftaran Perkahwinan"

Bahagian ini pula menyentuh perkara kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan perkahwinan menurut hukum syarak dan peraturan akta, misalnya gangguan perkahwinan, memberi kenyataan palsu, akad nikah yang tidak dibenarkan, pendakwaan dan sebagainya.

e. Bahagian V "Pembubaran Perkahwinan"

Bahagian kelima ini terdapat empat belas seksyen bermula dari seksyen 45 hingga seksyen 58 di mana dalam seksyen tersebut menyentuh perkara yang berkaitan dengan kuasa-kuasa membuat perintah perceraian, pertukaran agama, penyelenggaraan daftar perceraian, pembahagian mut'ah, pemberian saguhati, kuasa mahkamah memerintah terhadap harta sepencarian dan lain-lain lagi.

f. Bahagian VI "Nafkah Isteri, Anak Dll"

Bahagian tersebut mempunyai 22 seksyen di mana menjelaskan kuasa mahkamah memerintah terhadap nafkah, perintah cagaran, penaksiran nafkah, mengubah perintah nafkah, menuntut tunggakan nafkah isteri, anak dan sebagainya.

g. Bahagian VII "Penjagaan"

Bahagian tersebut mempunyai 27 seksyen bermula dari seksyen 81 hingga seksyen 107 di mana menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan hak penjagaan kanak-kanak, pemecatan penjaga, kuasa-kuasa mahkamah mengenai penjagaan harta alih dan tak alih, perlantikan penjagaan, perintah khas mengenai harta kecil, anak yatim, kuasa mahkamah menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia dan sebagainya.

h. Bahagian VIII "Pelbagai"

Bahagian ini mengandungi 15 seksyen, seksyen-seksyen tersebut menjelaskan perkara yang berkaitan dengan pengiktirafan perkahwinan yang dilakukan di dalam atau di luar Wilayah Persekutuan, kelahiran lebih 4 tahun selepas perceraian, kelahiran selepas pengakuan iddah telah tamat, persetubuhan subahat, rayuan dan sebagainya.

i. Bahagian IX "Penalti"

Bahagian tersebut mempunyai 11 seksyen bermula dari 123 hingga seksyen 133, di bawah seksyen-seksyen tersebut memperuntukan perkara yang berkaitan dengan poligami tanpa kebenaran mahkamah, perceraian di luar mahkamah, meninggalkan isteri, menganiaya isteri, tidak memberi keadilan kepada isteri, murtad membatalkan perkahwinan, persetubuhan luar nikah antara orang bercerai, sengaja cuai mematuhi perintah negkah dan lain-lain.

j. Bahagian X "Am"

Bahagian tersebut menerangkan soal kuasa bagi membuat kaedah-kaedah, pemberhentian pemakaian Enakmen Selangor 3/52 dan juga jadual.

1.2 Pengertian Peminangan

Pengertian peminangan ialah pernyataan atau permintaan dari seorang lelaki kepada pihak perempuan untuk mengkahwininya baik dilakukan olehnya sendiri atau pun dengan perantaraan pihak-pihak tertentu yang dipercayai ataupun keluarganya, sesuai dengan ketentuan-ketentuan syarak.

1.2.1 Pemilihan Meminang

Sebelum melakukan peminangan seorang lelaki itu terlebih dahulu hendaklah mempunyai ketetapan memilih dan kemantapan dalam hatinya benar-benar telah berkenan kepada seseorang perempuan yang ingin dipinangnya. Di antara sifat-sifat yang mesti diutamakan dalam memilih jodoh ialah:

- a. Hendaklah wanita yang berpegang kuat dengan agama.
- b. Wanita yang dipinang itu hendaklah wanita yang mempunyai sifat kasih sayang dan berketurunan ramai anak, sesungguhnya sifat-sifat itu memang pun disarankan dan digalakan oleh Islam.
- c. Wanita yang dipinang itu juga tidak mempunyai hubungan kerabat yang dekat.
- d. Wanita itu hendaklah diketahui juga hal keadaan jasmaninya sihat, berakhhlak mulia dan sebagainya. Ada pun bagi orang yang dipinang itu seharusnya juga mengetahui hal keadaan orang yang meminangnya.

Kedapatan beberapa perkara yang amat diambil berat oleh syarak dalam soal pinang meminang ialah:

- a. Peminangan tidak boleh dilakukan kepada wanita yang dipinang oleh seseorang melainkan ianya telah melepaskan hak peminangannya.
- b. Haram seseorang lelaki meminang dengan cara terus terang perempuan yang di dalam eddah sama ada rajii atau bain atau eddah wafah, dan haram meminang cara sindiran perempuan di dalam eddah rajii, dan dibolehkan meminang secara sindiran perempuan yang di dalam eddah wafah tanpa khilaf dan diharuskan juga meminang perempuan yang dalam eddah bain sama ada disebabkan perceraian atau fasakh menurut pendapat yang terkuat dari pendapat Imam Syafie.¹
- c. Wanita yang akan dipinang bukan mahramnya yang mana dilarang dalam perkahwinan.

¹Al-Khatib, asy-Syeikh Muhd. say-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, Juz 3, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.) hlm. 135 - 136.

1.2.2 Tujuan Pertunangan

Di antara tujuan pertunangan ialah:

- a) Persetujuan mengikat janji untuk perkahwinan.
- b) Untuk menghebahkan kepada masyarakat sekeliling.
- c) Supaya dapat mengiratkan hubungan silaturahim di antara keluarga dua belah pihak.
- d) Hendak melahirkan sikap jimat cermat dalam berbelanja kepada yang lebih mustahak sahaja.
- e) Untuk menentukan kadar mahar (mas kahwin) dan lain-lain pemberian.
- f) Untuk menentukan tarikh, tempat dan hari perkahwinan yang dipersetujui,

1.2.3 Langkah-Langkah Sebelum Meminang

Langkah-langkah yang dilakukan sebelum diadakan perminangan pihak lelaki dan perempuan perlu mempastikan baik-baik kedudukan keturunan dan meneliti asal usul keluarga masing-masing, supaya perminangan nanti dapat ditentukan keturunan dan mengetahui asal usulnya sebagaimana yang dituntut oleh syarak.

Sebelum meminang seorang lelaki harus melihat perempuan yang akan dipinang di muka dan dua tapak tangan sahaja begitu juga disebaliknya, dengan tujuan untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya agar kedua-duanya dapat menepati kehendak dan maksud masing-masing di antara satu dengan yang lain serta tidak akan menyesal hari kemudiannya nanti.

Menurut pendapat Jamhur Ulama' melihat pada perempuan dengan tujuan meminang hanya tertentu pada muka dan dua tapak tangannya kerana dengan melihat muka dapat diketahui kecantikan raut muka serta paras rupa untuk calun isteri atau sebaliknya, sementara melihat kedua tapak tangan bertujuan dapat mengetahui kesuburan badan.

Walau bagaimana pun menurut pendapat dari Al-Auzarie dibolehkan melihat perempuan itu di antara anggota-anggota yang berdaging seperti betis. Manakala pendapat dari Daud Al-Dzahiri diharuskan melihat seluruh tubuhnya.

Keharusan pihak lelaki boleh melihat perempuan yang akan dipinang di anggota-anggota yang telah disebutkan sebelum ini walaupun dengan tanpa keredhaannya, dan sebaik-baiknya dilihat pada ketika pihak perempuan tidak menyedari akan kehadiran pihak lelaki itu, hendaknya ia waktunya melihat itu dilakukan sebelum meminang kerana seandainya ia tidak secucuk di hati pihak lelaki dengan sebab-sebab yang tertentu bolehlah ia mengundurkan diri tanpa akan menyakitinya.

Jika kedapatan pihak lelaki tidak berupaya melihat perempuan yang akan dipinang oleh sebab sesuatu maka bolehlah ia mengutuskan orang tertentu yang dipercayai sebagai perantaraan pergi melihatnya supaya dapat menerangkan sifat-sifat peribadi serta keadaan perempuan itu yang mana bertujuan untuk mengkahwininya.

Sesuai dengan ini terdapat Hadis yang diriwayatkan oleh Anas bahawa Rasulullah S.A.W. telah mengutus Umu Sulaim kepada seorang perempuan sibdanya:

لِيَبْلُوَنَّ، لِيَرْجِعَنَّ

Maksudnya:

"Lihatlah pada urat-urat ketingnya dan hidu kedua belah tengkuk lehernya."

Dalam riwayat yang lain disebut:

لِيُحْدِرَنَّ،

Maksudnya:

"Dan hidulah akan gigi serinya".

Maksud Hadis tersebut menghendaki supaya dapat diketahui keadaan bau mulut perempuan itu.¹

¹ Al-San'ani, Al-Imam, Muhammad Bin Ismail Al-Kahlani, Subulu Salam, Cet. 4, juzu 3, Misr: Mustafa Al-Babi Al-Halabi wa auladuhu, 1379H - 1965M., halaman 113.

Sabda Rasulullah S.A.W. lagi yang bermaksud "Lihatlah dia (bakal tunangan) dengan ini akan lebih menguatkan (mengeratkan) perhubungan kamu berdua." Perlu diingat, walaupun Islam mengharuskan melihat perempuan ajnabi dengan tujuan meminang tapi janganlah ia mengambil peluang untuk memuaskan perasaan atau hawa nafsunya. Malahan menjadi haram semula sekiranya hajat melihatnya itu sudah mencukupi untuk langkah peminangan.

1.2.4 Adat Kelaziman Meminang

Di sini perlu rasanya dinyatakan beberapa perkara adat yang masih kekal dilakukan sehingga hari ini:

a. Adat bertanya atau merisik

Biasanya ada wakil dari pihak lelaki datang ke rumah orang yang hendak dipinang atau sekurang-kurangnya ke rumah jirannya. Mereka datang untuk merisik perempuan tersebut agar perempuan yang dihajati oleh lelaki berkenaan dapat dijadikan sebagai calon isterinya.

Pertanyaan atau merisik biasanya berkisar pada persoalan agama, akhlak, keturunan, memastikan sama ada perempuan itu telah bertunang atau belum dan berbagai-bagi lagi yang bersesuaian dengan sifat seorang muslimah mukminah.

b. Adat Meminang

Wakil lelaki biasanya terdiri dari ibu bapa atau keluarga, mereka datang ke rumah pihak perempuan untuk melakukan upacara peminangan secara rasmi. Perkara itu lazimnya dimaklumkan terlebih dahulu kepada tuan rumah agar mereka membuat persediaan yang difikirkan perlu. Maka pihak lelaki akan menyampaikan hasrat tujuan kedatangan mereka hendak meminang, sementara pihak wali perempuan akan menentukan sama ada mahu menerima atau pun menolaknya dengan secara yang halus.

Seandainya peminangan itu diterima oleh wali perempuan maka wakil dipihak lelaki akan memberikan sebentuk cincin kepada pihak perempuan sebagai tanda ikatan pertuangan di dalam majlis itu. Kemudiannya mereka mebincangkan mengenai tarikh perkahwinan, menentukan mas kahwin, hantaran belanja dan sebagainya. Apabila persetujuan diperolehi dari kedua-dua pihak maka dicatatkan sebagai peringatan bersama.

Walaupun setelah pertunangan antara lelaki dan pihak perempuan dimeterikan melalui istiadat peminangan oleh kedua belah pihak keluarga akan tetapi perhubungannya di antara mereka tetap dianggap seperti hubungan ajnabi dengan ajnabiah yang lain maka sejajarnyalah sama-sama menjaga suasana pertunangan itu dengan baik agar tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam yang maha suci.

1.3 Pengertian Perkahwinan

Maksud perkahwinan ialah akad yang menghalalkan di antara lelaki dengan perempuan, hidup bersama dan menetapkan tiap-tiap pihak daripada mereka hak-hak dan tanggungjawab, dengan ertikata yang lain, suatu akad yang menghalalkan persetubuhan dengan sebab perkataan yang mengandungi lafaz nikah, perkahwinan dan sebagainya.

1.3.1 Pensyariatan Perkahwinan

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menyebut mengenai pensyariatan perkahwinan dianjurkannya secara langsung atau tidak langsung kepada manusia sesuai dengan tuntutan fitrah semula jadinya.

A. Berikut dinyatakan beberapa ayat al-Quran nul-Karim mengenai perkahwinan dan tujuan-tujuan disyariatkannya.

a) Allah berfirman:

وَلَنْ يَعْمَلُوا إِلَّا فِيمَا يُحِبُّونَ مَا طَابَ لَهُمْ مِنَ السَّارِدِ
وَلَوْلَاتٍ وَرِباعٍ، هَلْ يَعْمَلُوا إِلَّا تَعْذِيرًا قَوَافِيَّةً أَوْ مَا مَلِكُتُ أَيْمَانَهُمْ
رَأَيْتَ أَنَّمَا تَحْذِي لَهُنَّا . *Surah al-Nisa' ayah 3*

Ertinya: "Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil (bila menikahi) anak-anak yatim, maka nikahilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi, dua, tiga, atau empat. Tetapi jika kamu takut tidak akan bisa berlaku adil, maka seorang sajalah, atau hambasanya yang kamu miliki. Yang demikian itulah yang lebih memungkinkan kamu terhindar dari berlaku sewenang-wenangnya."¹

¹Surah Annisa'(4) ayat 3. Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA), Prof. Dr. Haji, Tafsir al-Azhar juzu 4, cet. 1, Singapura: Pustaka Nasional, 1987. Semua maksud pengertian al-qur'an adalah dirujuk kepada tafsir di atas.

Dari ayat tersebut di atas dapat diambil kesimpulan bahawa seorang lelaki disuruh oleh Allah untuk berkahwin jika berkemampuan, sehingga kepada empat orang isteri dengan secara berlaku adil terhadap mereka seperti mana yang ditentukan oleh syarak, sebaliknya jika bimbang tidak berlaku adil maka berkahwinlah dengan seorang saja.

- b) Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِذْ قُوْمٌ أَتَتْنَاهُمْ مُّنْذَلَّاتٍ فَنَقْلَمْنَاهُنَّا مِنْ عَيْنٍ وَأَهْدَيْنَاهُنَّا وَنَحْلَقْنَاهُنَّا زَوْجَهُنَّا وَبَيْتَهُنَّا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَأَنْقَرْنَاهُنَّا أَنْزَلْنَاهُنَّا لَفْنَاهُنَّا وَأَنْزَلْنَاهُنَّا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْنَاهُمْ رَّحِيمًا
سورة النساء آية ١

Ertinya: "Hai sekalian manusia! bertakwalah kamu kepada Tuhan mu, yang telah menjadikan kamu dari satu diri, dan daripadanya dijadikanNya serta dari keduanya Dia memperkembang biakan laki-laki dan perempuan yang banyak. Bertakwalah kepada Allah, yang kamu telah tanya bertanya tentang (nama)Nya, dan (peliharalah) kekeluargaan. Sesungguhnya Allah Pengawas atas kamu."¹

- c) Allah berfirman:

وَنَذِكُرُوا الْأَيَامِيِّنَ كُمْ وَالْقَاتِلِيِّنَ بِمَنْ عِبَادَتُمْ وَلَوْلَا يَرَكُمْ إِنْ بَكُولُنَا فَعْرَادٌ يُغَيْرُهُمُ اللَّهُ هُنَّ وَنُخْلِهُ وَاللَّهُ
وَاسْعِ الْأَيْمَنَ . سورة الزمر آية ٣٢

Ertinya: Dan kahwinlah laki-laki dan perempuan janda dari kamu, dan budak-budak laki-laki dan perempuan yang patut buat berkahwin, walaupun mereka miskin, namun Allah akan mampukan dengan kurnianya kerana Tuhan Allah itu adalah maha luas pemberianNya, lagi maha mengetahui (akan nasib dan kehendak hambaNya)"²

¹ Surah Annisa'(4), ayat 1.

²Surah Annur (24), ayat 32.